

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
(BUKIT GANTANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setelah pemberian BR1M sejak tahun 2012 hingga kini, adakah satu kajian pemberian BR1M merupakan salah satu cara boleh mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian bantuan tunai BR1M adalah bantuan jangka pendek bermatlamat membantu rakyat yang berpendapatan rendah untuk mengimbangi kenaikan kos sara hidup dalam membeli barangan keperluan harian. BR1M juga adalah sebagai pakej pelengkap kepada semua program-program bantuan Kerajaan

dalam membantu rakyat mengurangkan impak pelaksanaan GST dan juga program rasionalisasi subsidi kerajaan (seperti minyak petrol).

Selain daripada BR1M, terdapat pelbagai bantuan lain yang ditawarkan oleh Kerajaan seperti bantuan elaun sara hidup dibawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif bagi membantu rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana dalam meringankan beban perbelanjaan harian akibat daripada kenaikan kos sara hidup. Antara program sedia ada yang telah dilaksanakan sebelum ini adalah seperti berikut:

- i. Penerusan subsidi barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak dan gas memasak LPG.
- ii. Pemberian Bantuan Persekolahan, RM100 kepada pelajar sekolah;
- iii. Pemberian Baucar Buku 1Malaysia RM250;
- iv. Kemudahan Klinik 1Malaysia dan Kedai Rakyat 1Malaysia;
- v. Pengurangan kadar cukai pendapatan individu sebanyak 1%. Seperti contoh, golongan profesional muda yang belum berkahwin dengan pendapatan bulanan RM5,000, akan menikmati penjimatan cukai

pendapatan sehingga RM425;

Kerajaan dari semasa ke semasa akan terus menambah baik program-program bantuan termasuk BR1M bagi memastikan ia dapat terus membantu rakyat.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: TUAN IDRIS BIN HAJI
AHMAD [BUKIT
GANTANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan minat di kalangan pelajar untuk memasuki Fakulti Perubatan semakin meningkat sehingga banyak tawaran dibuat melalui syarikat yang mempromosi Fakulti Perubatan di luar negara. Namakan universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, ada atau tidak pengiktirafan yang ditarik balik.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sebagaimana yang tertakluk di dalam Akta Perubatan 1971, seseorang yang ingin mengamalkan profesion perubatan perlu berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) untuk mengamal di Malaysia. Bagi melayakkan pendaftaran, pemegang kelayakan Ijazah asas perubatan juga hendaklah diiktiraf seperti yang tersenarai dalam Jadual Kedua Akta Perubatan 1971.

Setakat 21 November 2014, sebanyak 383 buah institusi pendidikan tinggi dalam dan luar negara yang telah diwartakan dalam Jadual Kedua Akta Perubatan 1971. Maklumat ini juga boleh didapati melalui laman sesawang Majlis Perubatan Malaysia.